

SEBUTAN KATA BAHASA MELAYU PELAJAR KOREA

Zulkifli Ahmad

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengaruh bahasa ibunda di kalangan pelajar Korea dalam sebutan kata bahasa Melayu. Bahasa ibunda pelajar Korea dikenali sebagai Han-geul. Sampel kajian ini ialah pelajar-pelajar Korea yang telah mengikuti kursus Bahasa Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini dimulakan dengan meneliti unsur-unsur persamaan dan perbezaan antara fonem-fonem bahasa Melayu dengan Han-geul. Seterusnya, kajian ini mengemukakan faktor-faktor yang menyebabkan kesilapan dalam sebutan kata bahasa Melayu di kalangan pelajar Korea. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada penulis buku teks dan pengajar bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam usaha pengajaran dan penyediaan bahan pemelajaran untuk pelajar Korea.

Abstract

The purpose of this study is to analyze the influence of mother tongue among Korean students in pronouncing Malay words. The Korean students' mother tongue is known as Hangul. The samples of this study are Korean students who had attended a Malay language programme in Universiti Kebangsaan Malaysia (Malaysia National University). Firstly, the study seeks to compare the similarities and differences between Malay and Hangul phonemes. Then, it will present the factors affecting the pronunciation of Malay words due to the influence of the students' mother tongue. The study hopes to serve as a guide to textbook writers and language instructors of Malay as a Foreign Language in the teaching and preparing learning materials for Korean students.

PENDAHULUAN

Lazimnya dalam usaha mempelajari suatu bahasa asing, seseorang itu akan terpengaruh dengan sistem bahasa ibundanya. Gejala ini juga dialami oleh pelajar-pelajar Korea yang telah mengikuti program bahasa Melayu selama setahun di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kesilapan dalam sebutan bahasa Melayu mereka dapat dijangka dengan berpandukan sistem bunyi bahasa. Bahasa ibunda mereka dikenali sebagai Han-geul (HG) yang bererti bahasa orang Korea. Kefahaman terhadap sistem bunyi bahasa mereka ini akan dapat membantu pengajar untuk menyediakan bahan pengajaran dan merancang latihan-latihan terhalu bagi mengurangkan kesilapan dalam sebutan bahasa Melayu di kalangan mereka.

Kajian ini bertujuan untuk memaparkan ciri-ciri persamaan dan perbezaan antara fonem-fonem bahasa Melayu (BM) dan HG. Fonem-fonem BM yang dimaksudkan ialah fonem konsonan, vokal, dan diftong. Kajian ini juga menganalisis fonem-fonem HG yang cenderung digunakan untuk menyebut fonem BM yang tidak terdapat dalam HG.

Bagi tujuan mengkaji sebutan fonem-fonem BM di kalangan pelajar-pelajar Korea, kesemua 10 pelajar Korea dari Universiti Woosong, Taejon, Republik Korea yang mengikuti program Bahasa Melayu sebagai bahasa asing di Universiti Kebangsaan Malaysia telah dijadikan subjek kajian. Mereka telah mengikuti program itu sejak 27 Mac 2000 dan tamat pada 14 Februari 2001.

Kajian ini dilaksanakan dengan mengumpul perkataan-perkataan BM mengikut golongan fonem, iaitu vokal, diftong dan konsonan. Perkataan-perkataan yang dipilih itu, disusun mengikut kedudukan awal, tengah, dan akhir setiap perkataan. Dengan cara ini, sebutan fonem mengikut kedudukan dapat diuji. Subjek-subjek kajian diminta menyebut perkataan-perkataan itu. Sebutan perkataan-perkataan itu dirakam dan kemudian disemak dan dicetak. Bagi meningkatkan kebolehpercayaan proses penyemakan dan pencetakan, dua orang daripada pelajar Korea itu telah membantu usaha menyemak sebutan kata subjek-subjek kajian tersebut dan menulisnya dalam aksara HG. Sebutan-sebutan kata itu kemudiannya ditulis dalam bentuk transkripsi fonetik.

DEFINISI KONSEP

Menurut Harold B. Allen (1965), bahasa ibunda ialah bahasa pertama yang biasanya diperoleh manusia sejak peringkat awal kanak-kanak

melalui interaksi dengan ahli-ahli komuniti yang lain. Dalam kajian ini, bahasa ibunda bermaksud Han-geul standard yang ditutur sebagai bahasa pertama di kalangan pelajar-pelajar Korea yang mempelajari BM itu.

Menurut Harold B. Allen (1965), bahasa Inggeris sebagai bahasa asing ialah bahasa Inggeris yang diajar sebagai subjek di sekolah atau pada tahap orang dewasa, dengan tujuan untuk membina kecekapan membaca bahan bacaan, membaca kerja-kerja teknikal, mendengar radio, memahami dialog wayang gambar, menggunakannya untuk berkomunikasi dengan penutur jati bahasa itu. Dalam kajian ini, bahasa Melayu sebagai bahasa asing boleh didefinisikan sebagai bahasa Melayu yang diajar di institusi-institusi pengajian kepada pelajar-pelajar universiti dengan tujuan membina kecekapan BM untuk pelbagai tujuan sebagai suatu subjek dalam program pengajian mereka.

Menurut Jack C. Richards *et. al* (1992), sebutan ialah cara sesuatu bunyi atau bunyi-bunyi dihasilkan. Berbeza dengan artikulasi yang merujuk kepada penghasilan sebenar bunyi-bunyi tuturan di dalam mulut; sebutan lebih menekankan pada persepsi pendengar terhadap sesuatu bunyi. Dalam hal ini, sebutan bererti persepsi pelajar-pelajar Korea terhadap bunyi fonem BM dan cara mereka menyebutnya semula.

SEBUTAN VOKAL BM

Dalam usaha menyebut huruf-huruf konsonan BM, pelajar Korea lazimnya akan menyebut dengan berdasarkan aksara HG yang hampir sama bunyinya. Vokal BM yang sering disalah sebut ialah vokal “e” kerana tiada penanda untuk membezakan vokal [ə] atau vokal [e]. Sebutan kata BM yang berhuruf vokal dapat diterangkan dengan contoh-contoh yang berikut:

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
	ㅏ	a	[a]	
adik	아딕	a-dik	[a'dik]	
baru	바루	ba-ru	[ba'ru]	
duta	두타	du-ta	[du'ta]	
	개	e	[e]	
elak	엘락	el-rak	[el'lak]	
	을락	eul-rak	[əl'lak]	[e] disebut [ə]

beca	배자	be-ja	[be-ja]	
	브자	beu-ja	[bæ-ja]	[e] disebut [ə]
kole	꼴레	kol-re	[kol'le]	
	꼴르	kol-reu	[kol'lə]	[e] disebut [ə]
emak	ㅡ	e	[ə]	
	으막	eu-mak	[ə'mak]	
	에막	e-mak	[e'mak]	[ə] disebut [e]
bekal	브갈	beu-kkal	[bək'kal]	
	베갈	be-kkal	[bek'kal]	[ə] disebut [e]
		i	[i]	
ilmu	일무	il-mu	[il'mu]	
biru	비루	bi-ru	[bi'ru]	
beri	브리	be-ri	[be'ri]	
	ㅏ	o	[o]	
olah	올라	ol-ra	[ol'la]	
bola	볼라	bol-ra	[bol'la]	
soto	소또	so-tto	[sot'to]	
	ㅜ	u	[u]	
urus	우루스	u-ru-seu	[urus'ə]	
buku	부꾸	bu-kku	[buk'ku]	
batu	바뚜	ba-ttu	[bat'tu]	

SEBUTAN DIFTONG BM

Dalam HG, diftong yang sebunyi dengan diftong BM tidak ada. Oleh itu, pelajar Korea menyebutnya dengan menggabungkan vokal-vokal HG. Sebutan diftong BM di kalangan mereka dapat diterangkan dengan contoh-contoh yang berikut:

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
		ai	[ai]	
hairan	하이란	ha-i-ran	[ha-i-ran]	
pandai	판다이	ppan-da-i	[ppanda-i]	
		au	[au]	
taufan	따우판	tta-u-pan	[tta'wu'pan]	
pulau	빨라우	ppu-la-u	[ppula'wu]	
		oi	[oi]	
sepoi	쓰뽀이	sseu-ppo-i	[ssæppo'i]	

SEBUTAN KONSONAN BM

Dalam usaha menyebut huruf-huruf konsonan BM, pelajar Korea lazimnya akan menyebutnya dengan berdasarkan aksara HG yang hampir sama bunyinya. Oleh sebab itu, terdapat kesilapan sebutan perkataan BM kerana beberapa sebutan aksara konsonan HG yang berubah mengikut kedudukannya dalam kata. Bagi mengkaji kecenderungan menyebut perkataan BM dengan berdasarkan aksara HG yang hampir sama bunyinya itu, maka perkataan-perkataan BM itu ditulis dengan aksara HG, bentuk rumi dan juga bentuk transkripsi fonetik. Keterangan tentang sebutan konsonan BM di kalangan pelajar tersebut dapat dijelaskan dengan contoh yang berikut:

Sebutan Kata BM Berhuruf “b”

Dalam BM, huruf “b” disebut dengan fonem [b]. Huruf “b” BM lazimnya disebut oleh pelajar Korea dengan berdasarkan aksara ㅂ(bi-eup) HG. Aksara ㅂ disebut dengan fonem [b] apabila menduduki onset tetapi disebut dengan fonem [p] apabila menduduki koda. Onset ialah bahagian awal suatu suku kata. Koda ialah bahagian terakhir suku kata, yang mengikuti nukleus (Kamus Linguistik: 1997).

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
bebas	베바스	be-ba-seu	[bebasə]	[s] di akhir kata, ditambah [ə].

lebah	르바	reu-ba	[rəba]	[l] disebut [r], [h] digugurkan
adab	아답	a-dap	[adap]	[b] diganti dengan [p]

Sebutan Kata BM Berhuruf “c”

Dalam BM, huruf “c” disebut dengan fonem [tʃ]. Huruf “c” BM, lazimnya disebut dengan berdasarkan aksara ㅈ (ssang jji-eut) atau ㅊ (chi-eut) HG. Aksara ㅈ disebut dengan fonem [dʒ] sementara aksara ㅊ disebut dengan fonem [tʃ]. Fonem [dʒ] dan fonem [tʃ] digunakan untuk menyebut huruf “c” yang menduduki onset BM. Huruf “c” yang menduduki koda BM akan disebut dengan fonem [dʒ] dan ditambah dengan vokal [ə] bagi membentuk suku kata kedua, seperti “koc” (BM) disebut [ko’dʒə]. Hal ini berlaku kerana fonem [dʒ] tidak wujud dalam koda HG. Suku kata [dʒə] disebut secara lemah supaya bunyi vokalnya tidak ketara. Lazimnya, vokal [ə] ditambah pada kebanyakan fonem HG yang tidak wujud sebagai koda HG seperti [dʒ], [h], [r] dan [p]. Akan tetapi didapati vokal [i] adakalanya ditambah pada fonem [dʒ]. Kecenderungan ini akan kelihatan dalam contoh-contoh sebutan kata BM yang seterusnya di kalangan pelajar Korea. Vokal [ə] digunakan kerana fonem [ə] kurang ketara bunyinya berbanding vokal-vokal lain apabila ditambah untuk menyusuli fonem konsonan.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
cara	차라	jja-ra	[dʒa’ra]	
Cina	치나	ci-na	[tʃi’na]	[tʃ] digunakan sebagai onset *sk ¹
baca	바차	ba-ca	[ba’tʃa]	
laci	라찌	ra-jji	[la’dʒi]	[i] ditambah pada [dʒ]
koc	꼬쯔	kko-jjeu	[ko’dʒə]	[ə] ditambah pada [dʒ]

*sk¹ (suku kata pertama)

Sebutan Kata BM Berhuruf “d”

Dalam BM, huruf “d” disebut dengan fonem [d]. Huruf “d” BM, lazimnya disebut dengan berdasarkan aksara ㄷ (di-geut) HG yang disebut dengan fonem [d]. Aksara ㄷ (di-geut) digunakan untuk menyebut onset [d] BM. Aksara ㅌ (ti-keut) juga digunakan untuk menyebut koda [d] BM tetapi

bunyi berubah menjadi fonem [t].

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
dari	다리	da-ri	[dari]	
adab	아답	a-dap	[adap]	[b] berubah menjadi [p]
abad	아밭	a-bat	[abat]	[d] disebut [t]

Sebutan Kata BM Berhuruf “f”

Dalam BM, huruf “f” disebut dengan fonem [f] BM. Fonem [f] BM lazimnya disebut dengan berdasarkan aksara ㅍ (pi-eup) HG yang disebut dengan fonem [p] kerana fonem [f] tidak wujud dalam HG. Aksara ㅍ digunakan untuk menyebut onset dan koda [f] BM. Vokal [ə] ditambah pada fonem [p] HG bagi membentuk suku kata tambahan [pə] kerana fonem [p] tidak wujud sebagai koda HG. Suku kata [pə] disebut secara lemah supaya bunyi vokalnya tidak ketara.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
fakir	파끼르	fa-kki-reu	[fak'kirə]	[r] ditambah [ə]
sifir	씨피르	ssi-pi-reu	[ssip'i'rə]	[r] ditambah [ə]
maaf	마아프	ma-a-peu	[ma'a'pə]	[f] disebut [p], [p] ditambah [ə]

Sebutan Kata BM Berhuruf “g”

Dalam BM, huruf “g” disebut dengan fonem [g]. Huruf “g” BM lazimnya disebut dengan berdasarkan aksara ㄱ (kiyok) HG yang disebut dengan fonem [g] apabila menduduki onset BM. Huruf “g” BM yang menduduki koda BM akan disebut dengan fonem [k] kerana sebutan bagi aksara ㄱ berubah dari fonem [g] ke fonem [k] apabila menduduki koda.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
garu	가루	ga-ru	[garu]	
segi	스기	seu-gi	[səgi]	[g] disebut [k] untuk koda sk ¹
beg	백	bek	[bek]	

Sebutan Kata BM Berhuruf “gh”

Dalam BM, huruf “gh” disebut dengan fonem [ɣ]. Huruf “gh” BM, lazimnya disebut dengan berdasarkan aksara ㄱ (gi-yeok) HG yang disebut dengan fonem [g] apabila menduduki onset tetapi disebut dengan fonem [k] apabila menduduki koda HG. Fonem [ɣ] tidak wujud dalam HG. Oleh itu, huruf “gh” yang menduduki onset BM akan disebut dengan fonem [g] sementara huruf “gh” yang menduduki koda BM akan disebut dengan fonem [k]. Vokal [ə] ditambah pada fonem [g] untuk membentuk suku kata tambahan apabila dalam suku kata kedua dituruti dengan konsonan lain.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
ghaib	가입	ga-ip	[gaip]	
maghrib	마그립	ma-geu-rip	[magərip]	[gh] ditambah [ə]
mubaligh	무발릭	mu-bal-rik	[mubal'lik]	[gh] disebut [k]

Sebutan Kata BM Berhuruf “h”

Dalam BM, huruf “h” disebut dengan fonem [h]. Huruf “h” BM disebut oleh pelajar Korea dengan berdasarkan aksara 히 (hi-eut) yang disebut dengan fonem [h]. Oleh sebab fonem [h] dalam BM disebut secara lemah apabila menduduki koda, maka fonem [h] digugurkan oleh pelajar Korea. Kecenderungan menggugurkan fonem [h] juga disebabkan fonem [h] tidak wujud sebagai koda dalam HG. Sekiranya, koda [h] BM perlu disebut, maka vokal [ə] akan ditambah pada fonem [h] untuk membentuk suku kata tambahan [hə]. Sebagai contoh, [heboh] disebut [he-bo-hə]. Suku kata [hə] disebut secara lemah supaya bunyi vokalnya tidak ketara.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
hadir	하디르	ha-di-reu	[hadirə]	[r] ditambah [ə]
saham	사함	sa-ham	[saham]	
upah	우빠	u-ppa	[up'pa]	[p] ditambah dan [h] digugurkan

Sebutan Kata BM Berhuruf “j”

Dalam BM, huruf “j” disebut dengan fonem [dʒ]. Huruf “j” BM disebut oleh pelajar Korea dengan berdasarkan aksara ㅈ (ji-eut) yang disebut dengan

fonem [dʒ]. Aksara ㄷ지 digunakan untuk menyebut onset [dʒ] BM. Oleh sebab fonem [dʒ] tidak wujud sebagai koda dalam HG, maka vokal [i] ditambah pada fonem [dʒ] untuk menyebut koda [dʒi] BM. Dengan itu, terbentuk suku kata tambahan. Sebagai contoh, “kolej” BM disebut [kol-ledʒi]. Suku kata [dʒi] disebut secara lemah supaya bunyi vokalnya tidak ketara.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
jari	자 리	ja-ri	[dʒari]	
puja	뿌 자	ppu-ja	[ppudʒa]	
kolej	콜레 지	kol-re-ji	[kol-le'dʒi]	[dʒ] ditambah [i]

Sebutan Kata BM Berhuruf “k”

Dalam BM, huruf “k” disebut dengan fonem [k]. Huruf “k” BM disebut dengan berdasarkan aksara ㄱ (ssang gi-yeok) HG yang disebut dengan fonem [kk] apabila huruf “k” menduduki onset BM. Bagi menyebut huruf “k” BM yang menduduki koda, pelajar Korea menggunakan aksara ㄱ (gi-yeok) yang disebut dengan fonem [k].

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
kadar	까다르	kka-da-reu	[kkada'rə]	[r] ditambah [ə]
paksa	팍사	ppak-sa	[ppak'sa]	
pihak	삐학	ppi-hak	[ppihak]	

Sebutan Kata BM Berhuruf “kh”

Dalam BM, huruf “kh” disebut dengan fonem [x] atau [k] apabila menduduki onset tetapi disebut dengan fonem [h] apabila menduduki koda. Huruf “kh” BM disebut dengan berdasarkan aksara ㅋ (ki-euk) yang disebut dengan fonem [k] apabila menyebut huruf “kh” yang menduduki onset BM. Oleh sebab dalam BM, huruf “kh” disebut dengan fonem [h] dan fonem [h] pula disebut secara lemah, maka pelajar Korea biasanya akan menggugurkan fonem [h] itu. Walau bagaimanapun, apabila terdapat keperluan untuk membezakan sebutan perkataan itu dengan perkataan yang sebunyi dengannya, maka huruf “kh” yang menduduki koda BM akan disebut dengan berdasarkan aksara ㅎ (hi-eut) yang disebut dengan fonem [h]. Oleh sebab fonem [h] tidak wujud sebagai koda dalam HG, maka vokal

[ə] ditambah pada fonem [h] bagi membentuk suku kata tambahan. Suku kata tambahan [hə] itu disebut secara lemah supaya bunyi vokalnya tidak ketara.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
khavar	카바르	ka-ba-reu	[kabarə]	[r] ditambah [ə]
akhir	아히르	a-hi-reu	[a'hi'rə]	[r] ditambah [ə]
tarikh	타리호	ta-ri-heu	[tari'hə]	[h] ditambah [ə]

Sebutan Kata BM Berhuruf “l”

Dalam BM, huruf “l” disebut dengan fonem [l]. Huruf “l” BM disebut dengan berdasarkan aksara ㄹ (ri-eul) HG yang disebut dengan fonem [r]. Dalam HG, aksara ㄹ yang menduduki onset disebut dengan fonem [r] tetapi yang menduduki koda disebut dengan fonem [l]. Oleh itu, untuk menyebut fonem [l] pada onset suku kata kedua BM, maka aksara ㄹ ditambah dengan menduduki koda suku kata pertama. Sebagai contoh, “lalu” menjadi “ral-ru” [ral'ru]. Fonem [r] yang menduduki onset suku kata kedua akan disebut sebagai fonem [l].

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
lalu	랄루	ral-ru	[ral'lu]	[l] ditambah dalam sk ¹
alas	알라스	al-ra-seu	[al'la'sə]	[r] disebut [l] dalam *sk ²
fasal	파살	pa-sal	[pasal]	[f] disebut [p]

*sk² (suku kata kedua)

Sebutan Kata BM Berhuruf “m”

Dalam BM, huruf “m” disebut dengan fonem [m]. Huruf “m” BM disebut dengan berdasarkan aksara ㅁ (mi-eum) HG yang disebut dengan fonem [m] dalam HG. Sebutan aksara ㅁ tidak berubah.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
makan	마칸	ma-kkan	[makkan]	[k] ditambah dalam sk ¹
memang	매망	me-mang	[memang]	
ulam	울람	ul-ram	[ul lam]	[l] ditambah dalam sk ¹

Sebutan Kata BM Berhuruf “n”

Dalam BM, huruf “n” disebut dengan fonem [n]. Huruf “n” BM disebut dengan berdasarkan aksara ㄴ(ni-eun) HG yang disebut dengan fonem [n] juga. Sebutan aksara tidak berubah dalam HG.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
nasi	나식	na-ssi	[na'ʃi]	[s] disebut [ʃ]
hendak	흔닥	hen-dak	[hən'dak]	
tahan	타한	ta-han	[tahan]	

Sebutan Kata BM Berhuruf “ng”

Dalam BM, gugusan huruf “ng” disebut dengan fonem [ŋ]. Gugusan huruf “ng” yang menduduki onset BM disebut oleh pelajar Korea dengan berdasarkan aksara ㄴ(ni-eun) HG yang disebut dengan fonem [n]. Gugusan huruf “ng” yang menduduki koda BM akan disebut dengan berdasarkan aksara ㅇ(i-eung) iaitu fonem [ŋ]. Dalam HG, fonem [ŋ] hanya wujud sebagai koda.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
ngilu	닐럿	nil-ru	[nil'lu]	[r] disebut [l]
bunga	붕아	bung-a	[buŋ'a]	
wang	왕	oang	[waŋ]	

Sebutan Kata BM Berhuruf “ny”

Dalam BM, gugusan huruf “ny” disebut dengan fonem [ɲ]. Fonem [ɲ] tidak wujud dalam HG. Akan tetapi, suku kata [ɲa], [ɲe], dan [ɲu] BM boleh disebut dengan mencantumkan aksara ㄴ(ni-eun) yang disebut dengan fonem [n] dengan diftong ㅛ [ya], ㅟ [ye] dan ㅠ [yu] HG untuk menyebut suku kata [ɲa], [ɲe], dan [ɲu] BM. Sebagai contoh: 안녕 [anɲŋ] yang digunakan sebagai ungkapan menyapa orang. Selain itu ialah 뉴스 [ɲu'sə] yang merupakan kata pinjaman bahasa Inggeris dengan maksud ‘berita’. [ɲu] tidak wujud dalam HG asli. Suku kata [ɲə], [ɲi] dan [ɲo] akan hanya dapat disebut [nə], [ni] dan [no].

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
nyata	나타	nya-tta	[nat' ta]	[t] ditambah
menyepah	므네빠	meu-nye-ppa	[mɔŋnep'pa]	[mɔ] disebut [mɔ]
menyusu	므뉴수	meu-nyu-su	[mɔŋnu'su]	[mɔ] disebut [mɔ]

Dalam contoh di atas, suku kata [mɔ] akan disebut [mɔ] kerana suku kata [mə] tidak wujud dalam perkataan HG asli.

Sebutan Kata BM Berhuruf “p”

Dalam BM, huruf “p” disebut dengan fonem [p]. Huruf “p” BM disebut dengan berdasarkan aksara ㅍ (ssang pi-eup) HG yang disebut dengan fonem [pp]. Suku kata [pə] tidak wujud dalam suku kata asli HG. Oleh itu, suku kata [pə] akan hanya disebut dengan [pɔ].

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
perak	페락	ppe-rak	[ppe'rak]	
rempah	렘빠	reum-ppa	[rəm'pa]	[h] digugurkan
hadap	하답	ha-dap	[hadap]	

Sebutan Kata BM Berhuruf “q”

Dalam BM, huruf “q” disebut dengan fonem [k]. Huruf “q” BM disebut dengan berdasarkan aksara ㅋ (ki-euk) HG yang disebut dengan fonem [k] apabila menduduki onset tetapi disebut berdasarkan aksara ㄱ (gi-yeok) yang disebut dengan fonem [k] apabila menduduki koda BM.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
Quran	쿠란	ku-ran	[ku 'ran]	
wuquf	우쿠프	u-ku-peu	[uku 'pə]	[p] ditambah [ə]
tariq	따릭	tta-rik	[tta 'rik]	

Sebutan Kata BM Berhuruf “r”

Dalam BM, huruf “r” disebut dengan fonem [r]. Huruf “r” BM disebut dengan berdasarkan aksara ㄹ (ri-eul) HG yang disebut dengan fonem [r]. Aksara ㄹ disebut dengan fonem [r] apabila menduduki onset tetapi disebut dengan fonem [l] apabila menduduki koda BM. Fonem [r] dalam suku kata berikut akan dapat disebut sebagai [l] jika suku kata pertama ditambah dengan

koda [l]. Dalam HG, fonem [r] tidak wujud sebagai koda. Oleh itu untuk menyebut huruf “r” yang menduduki koda BM, maka aksara ㄹ [r] ditambah dengan vokal [ə] untuk membentuk suku kata tambahan menjadi [rə]. Suku kata tambahan [rə] disebut secara lemah supaya bunyi vokalnya tidak ketara.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
rasa	라사	ra-sa	[rasa]	
dari	다리	da-ri	[da-ri]	
kelar	클라르	keul-ra-reu	[kəl'larə]	[r] ditambah [ə]

Sebutan Kata BM Berhuruf “s”

Dalam BM, huruf “s” disebut dengan fonem [s]. Huruf “s” yang menduduki onset BM disebut oleh pelajar Korea dengan aksara ㅅ (syi-ot) yang disebut dengan fonem [s] atau ㅆ (ssang syi-ot) yang disebut dengan fonem [ss] HG. Aksara ㅅ digunakan untuk menyebut fonem [s] BM yang geserannya kurang ketara. Aksara ㅆ pula digunakan jika geseran fonem [s] BM yang lebih ketara. Oleh sebab fonem [s] tidak wujud sebagai koda HG, maka aksara ㅆ [ss] ditambah dengan vokal [ə] untuk membentuk suku kata tambahan menjadi [sə]. Suku kata tambahan [sə] ini disebut secara lemah supaya bunyi vokalnya tidak ketara.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
sama	싸마	ssa-ma	[ssama]	
selak	셀락	sel-rak	[səl'lak]	[l] ditambah dalam sk'
kasih	카시	ka-syi	[kafi]	[s] disebut [ʃ] apabila disusuli [i]
puas	뿌아스	ppu-a-seu	[ppu-wa'-sə]	[ə] ditambah

Sebutan Kata BM Berhuruf “sy”

Dalam BM, huruf gugusan “sy” disebut dengan fonem [ʃ]. Fonem [ʃ] tidak wujud dalam HG. Huruf gugusan “sy” yang menduduki onset BM disebut dengan aksara ㅅ (syi-ot) yang disebut dengan fonem [s] dan diftong ㅟ [ya], ㅟ [ye], ㅟ [yo] dan ㅠ [yu] untuk menerbitkan suku kata [ʃa], [ʃe], [ʃo] dan [ʃu]. Fonem [ʃ] yang menduduki koda BM disebut dengan menambah fonem [i] pada aksara ㅅ [s]. Dalam HG, aksara ㅅ yang

disusuli vokal [i] akan disebut [ʃi]. Suku kata tambahan ini disebut secara lemah supaya bunyi vokalnya tidak ketara.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
syer	세	syē	[ʃe]	[r] digugurkan
syurga	슈르가	syu-reu-ga	[ʃurəgaʹ]	[ə] ditambah
isytihar	이시티하르	i-syi-ti-ha-reu	[iʃiʹtihaʹrə]	[ə] ditambah
skuasy	쓰꾸위시	sseu-kku-weo-syi	[ssəkʹkuwɔʃiʹ]	[i] ditambah

Sebutan Kata BM Berhuruf “t”

Dalam BM, huruf “t” dengan fonem [t]. Fonem “t” yang menduduki onset BM disebut oleh pelajar Korea dengan aksara ㅌ (ssang ti-keut) HG yang disebut dengan fonem [tt]. Aksara ㅅ (syi-ot) digunakan untuk menyebut huruf “t” yang menduduki koda BM. Dalam HG, aksara ㅅ [s] berubah sebutannya dari fonem [s] ke fonem [t] apabila menduduki koda HG.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
tengok	땡옥	tteng-ok	[ttenʹok]	
batal	바탈	ba-ttal	[batʹtal]	[t] ditambah dalam sk ¹
sifat	씨пат	ssi-pat	[ssiʹpat]	

Sebutan Kata BM Berhuruf “v”

Dalam BM, huruf “v” disebut dengan fonem [v]. Fonem [v] tidak wujud dalam HG. Huruf “v” BM disebut dengan berdasarkan ㅂ (pi-eup) HG yang disebut dengan fonem [b].

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
van	밴	ban	[ban]	
volvo	볼보	bol-bo	[bolbo]	
novel	노블	no-beul	[nobəl]	

Sebutan Kata BM Berhuruf “w”

Dalam BM, huruf “w” disebut dengan fonem [w]. Dalam HG, fonem [w] tidak wujud sebagai konsonan. Oleh itu, pelajar Korea menyebut huruf “w” BM dengan diftong 와 [owa] dan 위 [uwi] yang terdapat dalam HG.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
wangsa	왕사	oang-sa	[wan'sa]	
halwa	할와	hal-oa	[hal'wa]	
sawi	사위	sa-wi	[sa'wi]	

Sebutan Kata BM Berhuruf “y”

Dalam BM, huruf “y” disebut dengan fonem [y]. Huruf “y” BM disebut dengan diftong 야 (ya) dan 유 (yu) HG. Dalam HG, konsonan [y] tidak wujud.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
yang	양	yang	[yan]	
payung	빠용	ppa-yung	[ppa-yun]	

Sebutan Kata BM Berhuruf “z”

Dalam BM, huruf “z” disebut dengan fonem [z]. Huruf “z” BM disebut dengan berdasarkan aksara ㅈ (jji-eut) yang disebut dengan fonem [j]. Vokal [ə] ditambah pada fonem [j] untuk membentuk suku kata tambahan kerana fonem [j] tidak wujud sebagai koda dalam HG.

Contoh	Han-geul	Rumi	Fonetik	Ulasan
zat	жат	jat	[jat]	[z] disebut [j]
lazat	라жат	ra-jat	[rajat]	[z] disebut [j]
lafaz	라파즈	ra-p'a-jeu	[rapajə]	[j] ditambah [ə]

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian tentang sebutan kata BM di kalangan pelajar Korea itu, maka dapat dirumuskan bahawa kesilapan sebutan kata BM berpunca daripada kecenderungan mereka menyebut kata BM dengan berdasarkan aksara HG. Kecenderungan tersebut menimbulkan beberapa masalah.

Pertama, kesukaran menyebut fonem-fonem konsonan yang menduduki onsets BM kerana fonem-fonem itu tidak terdapat dalam HG. Fonem-fonem tersebut ialah: [f], [ʏ] [l], [ng], [ny], [v] dan [z]. Usaha menyebut kata BM dengan berdasarkan aksara HG menyebabkan kesilapan sebutan. Kesilapan

sebutan itu mungkin menimbulkan kekeliruan kepada pendengar. Contoh-contoh salah sebut dan kekeliruan yang mungkin berlaku, dipaparkan dalam contoh kesilapan sebutan fonem kategori 1 yang berikut:

1. f [f] disebut [p]. Contoh:
[feri] disebut [peri]
2. kh [χ] disebut [k] / [h]. Contoh:
[ʔijanatʔ] disebut [kijanatʔ]
3. l [l] disebut [r]. Contoh:
[laba] disebut [raba] [lancap] disebut [rancap]
[labu] disebut [rabu] [laut] disebut [raut]
[laden] disebut [raden] [laju] disebut [raju]
[laga] disebut [raga] [leka] disebut [reka]
[lagi] disebut [ragi] [lengap] disebut [rengap]
[laksa] disebut [raksa] [liap] disebut [riap]
[lalat] disebut [ralat] [lima] disebut [rima]
[lama-lama] disebut [rama-rama] [luas] disebut [ruas]
[lambap] disebut [rambap]
4. ng [ŋ] disebut [n]. Contoh:
[ba-ŋi] disebut [baŋ-gi] [bu-ŋa] disebut [buŋ-a]
5. ny [ɲ] disebut [n]. Contoh:
[ɲona] disebut [nona] [ɲapi] disebut [napi]
[kujit] disebut [kunit]
6. v [v] disebut [b]. Contoh:
[van] disebut [ban] [vila] disebut [bila]
7. z [z] disebut [dz]. Contoh:
[zip] disebut [jip]

Kedua, kesukaran menyebut fonem-fonem konsonan yang menduduki koda BM yang tidak terdapat dalam HG. Fonem-fonem tersebut ialah: [b], [d], [f], [g], [h], [dz], [χ] [r], [s] [ʃ] dan [z]. Usaha menyebut fonem yang

menduduki onset BM dengan menggantikannya dengan fonem lain atau dengan menambah fonem vokal pada fonem konsonan itu menyebabkan kesilapan sebutan. Kesilapan itu juga mungkin menimbulkan kekeliruan kepada pendengar. Contoh-contoh salah sebut dan kekeliruan yang mungkin berlaku dipaparkan dalam contoh kesilapan sebutan fonem kategori 2 yang berikut:

- | | | | | | | | |
|-----|----|----------|------------|---------------------------|---------------|---------------|---------|
| 1. | b | [b] | disebut | [p] | [adab] | disebut | [adap] |
| 2. | d | [d] | disebut | [t] | [abad] | disebut | [abat] |
| 3. | f | [f] | disebut | [p] | [saraf] | disebut | [sarap] |
| 4. | g | [g] | disebut | [k] | [beg] | disebut | [bek] |
| 5. | h | [h] | digugurkan | atau disebut | [hə]. Contoh: | | |
| | | [rumah] | disebut | [ruma] | | | |
| | | [ramah] | disebut | [rama] | | | |
| 6. | kh | [ɣ] | disebut | [h] | atau disebut | [hə]. Contoh: | |
| | | [tariɣ] | disebut | [tarih'ə] | | | |
| 7. | j | [dʒ] | disebut | [dʒə] / [dʒi]. Contoh: | | | |
| | | [caj' | disebut | [tʃadʒ'ə] | | | |
| 8. | r | [r] | disebut | digugurkan / atau disebut | [rə]. Contoh: | | |
| | | [kəlar] | disebut | [gətar] | | | |
| | | [kela] | disebut | [gətar'ə] | | | |
| 9. | s | [s] | disebut | [sə]. Contoh: | | | |
| | | [bas] | disebut | [bas'sə] | | | |
| 10. | sy | [ʃ] | disebut | [ʃə] / [ʃi]. Contoh: | | | |
| | | [skuwaf] | disebut | [sak'ku-wɔf'i] | | | |
| 11. | z | [z] | disebut | [dʒə]. Contoh: | | | |
| | | [lafaz] | disebut | [rapadz'ə] | | | |

Ketiga, kesukaran membezakan sebutan antara fonem [ə] dengan [e]. Usaha menyebut fonem vokal [ə] dan [e] BM tidak mendatangkan masalah di kalangan pelajar Korea kerana kedua-dua fonem vokal itu wujud dalam HG. Yang menjadi masalah ialah usaha membezakan kedua-dua fonem itu kerana dalam BM, lambang atau huruf “e” mewakili vokal “e” pepet dan vokal “e” taling. Kegagalan mereka untuk mengenal pasti fonem yang harus digunakan atau disebut menyebabkan kesilapan sebutan. Kesilapan sebutan itu mungkin menimbulkan kekeliruan kepada pendengar. Contoh-contoh salah sebut dan kekeliruan yang mungkin berlaku dipaparkan dalam contoh kesilapan sebutan fonem kategori 3 yang berikut:

- | | | | |
|----|--------------|---------|--------------|
| 1. | e pepet [ə] | disebut | [e]. Contoh: |
| | [səpak] | disebut | [sepak] |
| | [səlak] | disebut | [selak] |
| | [təlor] | disebut | [telur] |
| 2. | e taling [e] | disebut | [ə]. Contoh: |
| | [sepak] | disebut | [səpak] |
| | [selak] | disebut | [səlak] |
| | [telor] | disebut | [təlor] |

Pengetahuan tentang pengaruh HG dalam sebutan kata BM di kalangan pelajar Korea ini diharapkan dapat membantu para pengajar atau penulis buku teks untuk menyediakan bahan pengajaran yang dapat memperbaiki dan meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur di kalangan pelajar Korea. Para pengajar dan penulis buku teks juga diharapkan dapat menyediakan latihan-latihan yang lebih terarah, sesuai dan menarik untuk mengatasi masalah kesilapan sebutan itu. Selain daripada itu, kajian awal ini diharap dapat merintis jalan untuk ahli-ahli linguistik untuk mengkaji secara lebih mendalam dalam bidang analisis bezaan dalam aspek fonologi antara BM dan HG.

RUJUKAN

- Kamus Linguistik*, 1997. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Laver, John, 1994. *Principles of Phonetics*. Cambridge University Press: Cambridge.
- Lukoff, Fred, 1982. *An Introductory Course in Korean*. Seoul: Yonsei University Press.
- Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain, 1982. *Ilmu Fonetik dan Linguistik*. Agensi Penerbitan Nusantara: Petaling Jaya.
- Richards, Jack C., Platt, John dan Platt, Heidi, 1992. *Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistics*. Longmans: England.
- Vandesande, Anthony V. 1968. *Myongdo's Korean part 1*, Myongdo Institute, Seoul, Korea.